

Tiada perjanjian beli rumah Pinggir Zaaba

» *MRT Corp perlu rujuk SCC isu tuntutan pampasan projek trek MRT*

Oleh Halina Mohd Noor
halina@bharian.com.my

► Kuala Lumpur

Mass Rapid Transit Corp Sdn Bhd (MRT Corp) menafikan berjanji membeli 25 rumah penduduk di Pinggir Zaaba bagi memberi laluan kepada pembinaan trek MRT.

Sebaliknya, Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp, Datuk Azhar Abdul Hamid, berkata pihaknya pernah menyatakan hasrat membeli kediaman berkenaan atas dasar sukarela tetapi ditolak oleh Ahli Jawa-

tankuasa Khas Pampasan (SCC).

“Menurut undang-undang MRT Corp tidak perlu membeli rumah berkenaan kerana kedudukannya yang melebihi enam meter dari trek seperti ditetapkan. Bagaimanapun, MRT Corp secara sukarela bersetuju mencari jalan penyelesaian, bergantung kepada kelulusan kerajaan.

MRT Corp tiada kuasa

“Kuasa MRT Corp tidak termasuk hak untuk membeli hartanah dan semua pampasan yang tidak membabitkan pengambilan tanah mandatori mesti dirujuk kepada SCC,” katanya.

Berikutan penolakan SCC itu, katanya, MRT Corp tidak dapat memenuhi tuntutan pembelian rumah penduduk berkenaan.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar berkaitan tuntutan penduduk Pinggir Zaaba yang membantah pem-

binaan trek MRT berdepan kawasan kediaman mereka, di sini, semalam.

Penduduk mendakwa pembinaan trek itu menyebabkan nilai rumah mereka jatuh selain mengganggu kehidupan seharian termasuk tidak selesa dengan kehadiran tiang trek.

Katanya untuk keselesaan penduduk, trek MRT akan dibina lebih luas bagi mengurangkan jumlah tiang iaitu tiga saja yang dibina berdepan rumah penduduk selain didatangkan dengan ciri khas bagi menyerap bunyi bising.

Selain itu, katanya, MRT Corp juga akan meletakkan pagar bagi melindungi Pinggir Zaaba dari kesan kerja yang dijalankan serta sedang mengkaji untuk meletakkan jaringan di atas pagar untuk mengurangkan habuk.

“Jalan masuk ke tapak pembinaan hanya melalui Lebuhraya Damansara Puchong (LDP) dan bukan dari Pinggir Zaaba,” katanya.



“
Kuasa MRT Corp tidak termasuk hak untuk membeli hartanah dan semua pampasan yang tidak membabitkan pengambilan tanah mandatori mesti dirujuk kepada SCC”

Azhar Abdul Hamid
Ketua Pegawai Eksekutif
MRT Corp